

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

Petugas KKM Lembah Klang, Labuan ditugas ke negeri kes tinggi

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Petugas perubatan di Wilayah Persekutuan Labuan dan sekitar Lembah Klang sudah mula digerakkan ke beberapa negeri yang mengalami peningkatan mendadak kes COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, ketika menjelaskan perkembangan itu, berkata penugasan itu berikutan Labuan, Kuala Lumpur dan Selangor semakin merekodkan penyusutan kes kritikal COVID-19 yang memerlukan rawatan.

Selain itu, katanya, peralatan penting bagi tujuan perkhidmatan rawatan COVID-19, khususnya di unit rawatan rapi (ICU) perlu diagihkan ke negeri yang mencatatkan lonjakan kes kebelakangan ini.

“Petugas di Labuan dan Lembah Klang akan membantu negeri-negeri lain, malah peralatan juga diagihkan. Penugasan ini sudah mula digerakkan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Berdasarkan rekod KKM setakat 15 Ogos lalu, Selangor mempunyai seramai 28,594 petugas kesihatan, diikuti Kuala Lumpur dengan 6,791 orang.

Penularan pandemik COVID-19 di beberapa negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak, sejak akhir-akhir ini dilihat tambah meruncing.

Semalam, daripada 20,897 kes harian yang dilaporkan, 2,594 jangkitan baharu adalah di Sabah, diikuti Sarawak (2,285), Johor (2,159), Kedah (1,942), Pulau Pinang (1,732), Kelantan (1,479) dan Perak (1,204).

Nasional 8

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

8 negeri catat jangkitan empat angka, 282 korban terbaru

Kuala Lumpur: Sebanyak 20,897 jangkitan baharu COVID-19 direkodkan di negara ini semalam membabitkan semua negeri dan wilayah, termasuk lapan negeri mencatat kes empat angka, menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 1,746,254.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pesakit kategori 5, iaitu kritikal dan menggunakan ventilator mencatatkan 79 kes dengan 84.8 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, diikuti kategori 4 yang perlukan bantuan oksigen membabitkan 119 kes dengan 55.5 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Bagi kategori 3 atau radang paru-paru, jangkitan baharu semalam membabitkan 224 kes dengan 78.6 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, kategori 2 bergejala ringan meliputi 12,136 kes dengan 75.8 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi dan kategori 1 yang tiada gejala membabitkan 8,339 kes dengan 70.2 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Ini berdasarkan keadaan klinikal mereka semasa baharu didiagnos COVID-19. Ada di antara mereka kekal kategori sama-sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status, sama ada bertambah baik atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya, pada mula didiagnos, 2 peratus kes dilaporkan hari ini (semalam) berada pada kategori 3 hingga 5 dan 98 peratus kes pada kategori 1 dan 2. Didapati 73.6 peratus kes yang baru didiagnos COVID-19 sama ada tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Daripada keseluruhan kes baharu, 18,326 kes membabitkan warganegara, manakala 2,570 kes lagi bukan warganegara dan satu kes import membabitkan warganegara.

"Kematian akibat COVID-19 pula 282 kes membabitkan 238 rakyat tempatan dan 44 warga asing. Daripada jumlah itu, 98 kes adalah kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) membabitkan 63 rakyat tempatan dan 35 warga asing, iaitu peningkatan berbanding 53 kes BID semalam (kelmarin).

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kematian COVID-19 16,664 kes atau 0.95 peratus daripada keseluruhan kes positif dikesan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selangor rekod 4,371 kes positif

Dari Muka 1

Jumlah jangkitan baharu di Selangor pula 4,371 kes, Kuala Lumpur (1,003), Pahang (798), Terengganu (608), Melaka (417), Negeri Sembilan (215), Perlis (64) dan Putrajaya (25), manakala Labuan merekodkan kes terendah hanya satu kes.

Ketika kes COVID-19 meruncing di Lembah Klang dan Negeri Sembilan sebelum ini, bekas

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada 13 Julai lalu dilaporkan berkata, pihaknya menambah kira-kira 5,000 petugas atau sukarelawan untuk menyokong penyampaian perkhidmatan menangani pandemik COVID-19 di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Selain petugas tetap dan kontrak, KKM juga mengambil keputusan membuat penambahan segera membabitkan 1,190 petu-

gas kesihatan di tiga negeri terabit mencatatkan lonjakan kes selepas meneliti situasi penularan jangkitan COVID-19 di negeri memasuki Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) terkawal.

Dr Noor Hisham pula sebelum ini dilaporkan berkata, memandangkan liputan pemberian vaksin masih rendah di negeri yang mengalami peningkatan kes, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) amat penting

dan wajar ditingkatkan.

Statistik Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) setakat kelmarin menunjukkan jumlah individu dewasa yang memperoleh suntikan imunisasi lengkap di Sabah adalah terendah, iaitu 38 peratus.

Ia disusuli Kelantan dengan 43.9 peratus, Kedah (44.2 peratus), Johor (46.1 peratus), Terengganu (46.8 peratus) dan Perak (46.9 peratus).

Terkini COVID-19

18,465

Putih, dibenarkan keluar hospital, semalam

20,897

Kes baharu disahkan, semalam

16,664

Jumlah kematian dicatat

1,746,254

Jumlah kes disahkan positif

267,863

kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

JKN Kedah nafi lewat bantu pesakit jatuh di wad

Alor Setar: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah menafikan pihaknya lewat memberi bantuan kepada pesakit COVID-19 yang jatuh di wad seperti yang didakwa dalam video tular di media sosial kelmarin.

Pengarahnya, Dr Othman Warijo, berkata pesakit terus diperiksa pegawai perubatan selepas dimaklumkan kejadian itu pada jam 2.25 petang.

JKN melakukan siasatan segera selepas lelaki terbabit didakwa lewat mendapat bantuan petugas hospital. Pada hari kejadian, selepas rondaan wad pagi selesai, pegawai perubatan serta jururawat menanggalkan pakaian perlindungan diri (PPE) kira-kira jam 1.45 tengah hari.

Pada jam 2.25 petang, petugas wad diberitahu seorang pesakit jatuh dari katil. Pegawai perubatan bertugas bergegas mema-

kai PPE lengkap dan terus memeriksa pesakit yang didapati terbaring di lantai wad, pemakaian PPE mengambil masa kira-kira lima minit.

"Ketika itu, pesakit didapati tiada lagi tanda hidup. Pesakit sudah dinaikkan semula ke katil dan disahkan meninggal dunia dan punca kematian pesakit adalah *severe COVID-19 pneumonia*," jelas beliau dalam kenyataan semalam.

Kelmarin tular di media sosial video berdurasi 37 saat memaparkan pesakit lelaki berusia 60-an terjatuh di lantai sebelum meninggal dunia di hospital di Sungai Petani kerana didakwa berlaku akibat kecuaiannya doktor dan jururawat.

Video dimuat naik seorang pengguna Facebook (FB) itu menunjukkan pesakit terbabit yang memakai kain tanpa baju, ber-

jalan dalam keadaan lemah sebelum terjatuh.

Mengulas lanjut, Dr Othman berkata, pesakit adalah seorang warga emas yang dimasukkan ke wad Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), Sungai Petani, pada Khamis lalu (26 Ogos) selepas dirujuk oleh Pusat Penilaian COVID-19 Daerah Kuala Muda.

Pesakit mempunyai sejarah be-

berapa penyakit kronik dan dijangkiti COVID-19 kategori empat yang memerlukan bantuan oksigen.

"Sepanjang berada di wad, keadaan pesakit kurang stabil dan memerlukan tekanan oksigen yang semakin tinggi. Pesakit itu bagaimanapun kelihatan tidak selesa dengan alat bantuan oksigen yang dipakaikan dan di-

pantau dengan lebih kerap oleh petugas kesihatan yang boleh bertutur dalam bahasa ibunda pesakit bagi memantapkan komunikasi," katanya.

Dr Othman berkata, pakar perubatan bertemu dengan ahli keluarga pesakit pada petang yang sama dan menjelaskan situasi sebenar kejadian itu.

Katanya, ahli keluarga sememangnya maklum keadaan pesakit yang kian merosot sebelum itu dan menerima baik penjelasan diberikan pihak hospital.

"Pihak jabatan mengucapkan takziah kepada keluarga mending dan kesal atas penularan video itu yang tidak sepatutnya berlaku.

"Justeru, kami meminta orang ramai untuk menghentikan penularan video itu bagi menghormati keluarga mending," katanya.

🗣️ Ketika itu, pesakit didapati tiada lagi tanda hidup. Pesakit sudah dinaikkan semula ke katil dan disahkan meninggal dunia dan punca kematian pesakit adalah Severe COVID-19 Pneumonia



Dr Othman Warijo,
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



PETUGAS kesihatan mengambil sampel calitan ketika ujian saringan Covid-19 terhadap penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin, Georgetown, Pulau Pinang, semalam. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

282 korban Covid-19

Jangkitan baharu catat peningkatan kepada 20,897 kes semalam

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes baharu Covid-19 mencatatkan sedikit peningkatan apabila merekodkan sebanyak 20,897 kes semalam menjadikan jumlah keseluruhan 1,746,254 kes dengan 267,863 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 422 kes atau 2.0 peratus adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 iaitu mengalami radang paru-paru, memerlukan bantuan oksiji-

73.6%
Peratusan pesakit tiada atau tidak lengkap vaksinasi

gen serta kritikal.

"Sebanyak 20,475 kes atau 98 peratus lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2 berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa Covid-19.

"Ada di antara kes kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya, 15,371 kes atau 73.6 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam) tiada atau tidak lengkap vaksinasi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 20,897 kes dilaporkan, satu kes adalah kes import manakala 20,896 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal mencatatkan kes harian baharu tertinggi dengan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 4,371 kes diikuti Sabah (2,594 kes) dan Sarawak (2,285 kes).

"Terdapat 1,005 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan

464 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, 18,465 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 1,461,727 kes atau 83.71 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Ada 282 kematian dilaporkan membabitkan 238 warga tempatan serta 44 warga asing dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 139 kes diikuti Johor (52 kes) dan Kuala Lumpur (21 kes).

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 16,664 kes atau 0.95 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Kota Bharu: Selepas dipujuk dan diberi penerangan, semua 34 penghuni sebuah madrasah di Kampung Sungai Kenerong, Dabong dekat sini yang enggan membuat ujian calitan kelmarin akhir setuju berbuat demikian.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, persetujuan untuk menjalani ujian calitan itu dicapai hasil penjelasan diberikan kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah dengan bantuan polis.

"Ketika kakitangan PKD hadir mengadakan ujian calitan semalam (kelmarin), mereka tidak memberi kebenaran atas alasan tiada kaitan dengan kes kematian itu.

"Mereka menganggap bu-

Warga madrasah setuju buat ujian calitan

kan kontak rapat dan tidak perlu dijalankan ujian calitan maka disebabkan itu, dengan bantuan pihak polis, kakitangan kami kembali ke madrasah itu hari ini (semalam) untuk berbincang, memujuk dan memberi penerangan jelas.

"Alhamdulillah, mereka akhirnya bersetuju dan esok (hari ini) ujian calitan akan dibuat bagi

memastikan tiada jangkitan berlaku," katanya ketika di-

hubungi, semalam.

Terdahulu 34 penghuni madrasah itu enggan dijalankan ujian calitan berikutan seorang daripada penghuni maut akibat Covid-19 beberapa hari lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintendan Suzaimi Mohammad berkata, beberapa petugas dari PKD yang hadir ke madrasah kelmarin turut tidak

dibenarkan

pemilik untuk

melakukan ujian calitan ke atas pelajar itu.

Seorang daripada penghuni maut akibat Covid-19 beberapa hari lalu

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

PESAKIT COVID-19 JATUH SEBELUM MENINGGAL DUNIA

'Diperiksa selepas dimaklum kejadian'

Alor Setar: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah menafikan lewat memberi bantuan kepada pesakit Covid-19 yang jatuh di wad sebelum meninggal dunia, seperti didakwa dalam video tular di media sosial, kelmarin.

Pengarahnya, Dr Othman Warijo berkata, pesakit terus diperiksa oleh pegawai perubatan selepas dimaklumkan mengenai kejadian itu pada jam 2.25 petang.

Beliau berkata, JKN melakukan siasatan segera selepas lelaki terbabit didakwa lewat mendapat bantuan petugas hospital.

"Pada hari kejadian, setelah rondaan wad pagi selesai dan pegawai perubatan serta jururawat menanggalkan pakaian perlindungan diri (PPE) pada jam 1.45 tengah hari.

"Pada jam 2.25 petang, petugas wad diberitahu oleh pesakit lain mengenai seorang pesakit telah jatuh dari katil.

"Pegawai perubatan ber-



DR Othman

tugas bergegas memakai PPE lengkap dan terus memeriksa pesakit yang didapati terbaring di lantai wad dengan pemakaian PPE mengambil masa kira-kira lima minit.

"Ketika itu, pesakit didapati tiada lagi tanda-tanda hidup. Pesakit dinaikkan ke katil semula dan disahkan meninggal dunia dan punca kematian pesakit adalah Severe Covid-19 Pneumonia," kata beliau dalam kenyataan di sini, semalam.

Kelmarin, tular di media sosial video berdurasi 37 sa-

at memaparkan pesakit lelaki berusia 60-an terjatuh di lantai sebelum meninggal dunia di hospital di Sungai Petani dan didakwa berlaku akibat kecuai doktor dan jururawat.

Video dimuat naik seorang pengguna Facebook (FB) itu menunjukkan pesakit terbabit yang memakai kain tanpa baju, berjalan dalam keadaan lemah sebelum dia terjatuh.

Pemilik akaun FB berkenaan yang tidak diketahui sama ada mempunyai ikatan keluarga atau sebaliknya dengan mangsa, meninggalkan hantaran mendakwa pihak hospital bersikap sambil lewa tanpa memberikan bantuan segera kepada mangsa.

Antara kandungan petikan ditulis pemilik FB terbabit mendakwa walaupun sudah hampir setengah jam jururawat bertugas gagal mengambil tindakan serta-merta merawatnya.

Dr Othman berkata, pe-

sakit adalah warga emas yang dimasukkan ke wad Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), Sungai Petani, pada 26 Ogos setelah dirujuk Pusat Penilaian Covid-19 Daerah Kuala Muda.

Beliau berkata, pesakit mempunyai sejarah beberapa penyakit kronik dan dijangkiti Covid-19 kategori empat yang memerlukan bantuan oksigen.

"Sepanjang berada di wad, keadaan pesakit kurang stabil dan memerlukan tekanan oksigen semakin tinggi.

"Bagaimanapun, pesakit itu kelihatan tidak selesa dengan alat bantuan oksigen dipakaikan dan dipantau dengan lebih kerap oleh petugas kesihatan yang boleh bertutur dalam bahasa ibunda pesakit bagi memantapkan komunikasi," katanya.

Dr Othman berkata, pakar perubatan bertemu dengan ahli keluarga pesakit pada petang sama dan menjelaskan situasi sebenar kejadian itu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

14,886,006 lengkap dos vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 14,886,006 individu atau 63.6 peratus daripada populasi dewasa negara ini melengkapkan suntikan vaksin Covid-19 setakat kelmarin, menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

JKJAV menerusi perkongsian infografik di laman Twitter rasmi semalam memaklumkan, 19,621,799 individu atau 83.8 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) setakat kelmarin 34,490,572 dos.

Menurut JKJAV, 60.1 peratus daripada jumlah populasi keseluruhan negara mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin, manakala 45.6 peratus melengkapkan vaksinasi.

Sementara itu, vaksinasi harian kelmarin merekodkan 361,381 dos dengan 181,281 daripadanya adalah dos pertama manakala 180,100 melengkapkan penerimaan dos.

Pick dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik Covid-19 di seluruh negara. -Bernama

JKNS terawal terima momento penghargaan

Kota Kinabalu: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) mendahului 10 agensi barisan hadapan di Sabah menerima momento penghargaan daripada kerajaan negeri Sabah sempena Hari Kebangsaan peringkat negeri semalam.

Momento itu disampaikan Ketua Menteri Datuk Hajiji Noor pada upacara sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan di Dewan Bankuasi, Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah.

Penerima lain momento daripada kerajaan negeri ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Angkatan Pertaha-

nan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Imigresen Malaysia Sabah.

Selebihnya ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Peratuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) Sabah yang mewakili semua badan bukan kerajaan (NGO), Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) Sabah dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Momento berkenaan yang ditandatangani Ketua Menteri Sabah mengandungi kata penghargaan kepada barisan hadapan yang dinukil khas bagi mengiktiraf dan menghargai semua barisan hadapan di

Sabah yang terabit secara langsung dalam tugas menangani pandemik Covid-19.

**Upacara
sambutan Hari
Kebangsaan diadakan
mengikut SOP
ditetapkan**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Pesakit jatuh di wad hidap sakit kronik, Covid-19 kategori empat

SUNGAI PETANI - Pesakit yang meninggal dunia di wad Hospital Sultan Abdul Halim di sini disahkan mempunyai sejarah sakit kronik dan menghidap Covid-19 kategori empat.

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, Dr Othman Warijo berkata, hasil siasatan yang dilakukan, lelaki warga emas itu telah dimasukkan ke wad pada 26 Ogos 2021 setelah dirujuk oleh Pusat Penilaian Covid-19 daerah Kuala Muda.

Menurutnya, sepanjang berada di wad, keadaan pesakit kurang stabil dan memerlukan tekanan oksigen yang tinggi.

"Pesakit bagaimanapun kelihatan tidak selesa dengan alat bantuan oksigen yang dipakainya, namun tetap dipantau dengan lebih kerap oleh petugas kesihatan yang boleh bertutur dalam bahasa ibunda pesakit bagi memantapkan komunikasi," katanya menerusi satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, pada Isnin, setelah rondaan wad pagi selesai dan pegawai perubatan serta jururawat menanggalkan pakaian pelindung diri sekitar jam 1.45 tengah hari, petugas wad diberitahu oleh pesakit lain bahawa seorang pesakit jatuh dari katil pada jam 2.25 petang.

Katanya, pegawai perubatan bertugas bergegas memakai PPE lengkap yang mengambil masa kira-kira lima minit dan terus memeriksa pesakit yang didapati terbaring di lantai wad.

"Pesakit dinaikkan ke katil semula dan pemeriksaan mendapati dia disahkan meninggal dunia.

"Punca kematian pesakit adalah pneumonia teruk Covid-19," katanya.

Dr Othman menjelaskan, pakar perubatan telah bertemu dengan ahli keluarga pesakit pada hari sama dan menjelaskan situasi sebenar kejadian.

"Ahli keluarga sememangnya telah maklum keadaan pesakit yang kian merosot sebelum itu dan me-

nerima baik penjelasan yang diberikan pihak hospital.

"Jabatan ini mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang dan kesal atas penularan video berkenaan yang tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Beliau memohon agar masyarakat menghormati ahli keluarga mendiang dan menghentikan penularan video itu.

"Siasatan lebih mendalam mengenai insiden ini akan dijalankan dan tindakan penambahbaikan yang diperlukan akan diberi perhatian," katanya.

Pada Isnin, satu video tular di media sosial mengenai seorang pesakit lelaki yang jatuh dan meninggal dunia dalam wad didakwa lewat mendapat bantuan petugas hospital.

Bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah sebelum ini menafikan bahawa pesakit itu dibiarkan sehingga meninggal dunia tanpa mendapat bantuan pihak hospital.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : NEGARA

Pesakit rebah ketika pegawai perubatan bergegas pakai PPE

ALOR SETAR – Jabatan Kesihatan negeri memaklumkan pesakit yang meninggal dunia selepas terbaring kaku di lantai wad Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani kelmarin cuba dibantu pegawai perubatan yang sedang memakai peralatan perlindungan diri (PPE) lengkap.

Pengarahnya, Dr. Othman Warijo berkata, pada hari kejadian setelah rondaan wad pagi selesai, pegawai perubatan serta jururawat menanggalkan PPE pada pukul 1.45 petang.

"Pada pukul 2.25 petang petugas wad diberitahu oleh pesakit lain bahawa seorang pesakit jatuh dari katil lalu pegawai perubatan bertugas bergegas memakai PPE lengkap dan terus memeriksa pesakit itu yang didapati terbaring di lantai wad," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, pemakaian PPE mengambil masa kira-kira lima minit dan ketika itu, pesakit didapati tiada lagi tanda-tanda hidup.

"Pesakit dinaikkan ke katil semula dan disahkan meninggal dunia yang mana punca kematian adalah *severe Covid-19*

pneumonia," jelasnya.

Othman berkata, pihak jabatan telah bertemu dengan ahli keluarga pesakit pada hari kejadian dan menjelaskan situasi sebenar.

"Ahli keluarga sememangnya maklum keadaan pesakit yang kian merosot sebelum itu dan menerima baik penjelasan yang diberikan pihak hospital," katanya.

Jelas beliau, mendiang yang juga mempunyai sejarah beberapa penyakit kronik dimasukkan ke hospital itu pada 26 Ogos lalu setelah dirujuk Pusat Penilaian Covid-19 Kuala Muda.

"Pesakit mendapat jangkitan Covid-19 kategori empat yang memerlukan bantuan oksigen."

"Sepanjang berada di wad berkenaan pesakit kurang stabil dan memerlukan tekanan oksigen yang semakin tinggi," katanya.

Tambah beliau, pesakit bagaimanapun kelihatan tidak selesa dengan alat bantuan oksigen yang dipakai dan dia kemudian dipantau dengan lebih kerap oleh petugas kesihatan yang boleh bertutur dalam bahasa ibundanya.



TANGKAP layar video memaparkan keadaan mangsa yang lemah sebelum rebah di lantai wad sebuah hospital di Sungai Petani.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NASIONAL

Kes positif kembali melebihi 20,000 kes

Sejumlah 1,005 pesakit sedang dirawat di ICU dengan 464 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Kes baharu Covid-19 di Malaysia kembali meningkat melebihi 20,000 kes apabila merekodkan sebanyak 20,897 kes pada Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di akaun Twitter beliau berkata, jumlah yang dilaporkan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia kini mencecah 1.75 juta kes.

"Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi dengan 4,371 kes diikuti Sabah (2,594), Sarawak (2,285), Johor (2,159) dan Kedah (1,942) dan Pulau Pinang (1,732)," katanya.

Menurut beliau, tiga lagi negeri yang merekodkan kes melebihi 1,000 ialah Kelantan (1,479), Perak (1,204) dan Kuala Lumpur (1,003) manakala negeri yang merekodkan

tiga angka melibatkan Pahang (798), Terengganu (608), Melaka (417) dan Negeri Sembilan (215). Perlis pula merekodkan 64 kes diikuti Putrajaya (24) dan Labuan (satu).

Dr Noor Hisham dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan daripada keseluruhan kes baharu itu, sebanyak 422 kes atau dua peratus adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 20,475 kes atau 98 peratus lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

Katanya, secara keseluruhan, sebanyak 15,371 kes atau 73.6 peratus daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan pada Selasa adalah individu yang tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Sementara itu, beliau berkata, jumlah pesakit pulih ialah sebanyak 18,465 kes menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh kepada 1,461,727 kes dengan kes aktif kini adalah 267,863 kes.

Dr Noor Hisham juga memaklumkan bahawa sejumlah 1,005 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 464 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan.

Katanya, negara merekodkan

sejumlah 282 kematian baharu pada Selasa melibatkan 238 warganegara dan 44 bukan warganegara dengan kes kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) adalah sebanyak 98 kes.

Katanya, kes kematian yang berlaku melibatkan 139 kes di Selangor diikuti Johor (53), Kuala Lumpur (21), Sabah (15), Pulau Pinang (12) dan Kedah (11).

Kelantan merekodkan sembilan kes kematian pada Selasa dengan Pahang (tujuh), Melaka (lima), Negeri Sembilan dan Perak masing-masing tiga kes, Terengganu (dua) manakala Perlis, Sarawak dan Putrajaya adalah satu kes.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak 22 kluster baharu dikesan pada Selasa dengan 11 daripadanya melibatkan tempat kerja, lapan komuniti, dua kluster berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan.

Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan data terkini, nilai kebolehjangkitan Covid-19 atau R-Naught (Rt) Malaysia pada Isnin adalah 1.02 dengan Perlis mencatatkan nilai Rt tertinggi iaitu 1.22 diikuti Sarawak (1.19) dan Sabah (1.12).



DR NOOR HISHAM

Jangan terlalu leka, varian Delta masih ganas

KUALA LUMPUR - Rakyat Malaysia khususnya mereka yang lengkap divaksinasi tidak harus terlalu selesa dan leka sehingga mengabaikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) serta kawalan sendiri bagi mengekang penularan Covid-19.

Ini berikutan, wabak itu masih merebak malah muncul dengan pelbagai mutasi lebih ganas terutama varian Delta yang diklasifikasikan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) sebagai varian membimbangkan (VOC).

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, rakyat harus faham dan akur walaupun vaksin dibangunkan untuk melindungi diri daripada virus itu, varian Delta masih mengganas bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia.

"Meskipun kita bakal capai 80 peratus populasi dewasa divaksinasi atau imuniti kelompok, Covid-19 akan sentiasa ada atau endemik pada paras yang rendah sama seperti penyakit sedia ada yang lain.

"Kita yang divaksin masih berpotensi dijangkiti virus itu, namun kesannya lebih minimum berbanding individu yang tiada perlindungan vaksin.

"Oleh itu, pematuhan SOP dan kawalan sendiri mesti diamalkan untuk melindungi semua orang," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Dr Zainal Ariffin menambah dengan lebih banyak kelonggaran serta pembukaan pelbagai sektor yang diumumkan kerajaan sebelum ini, ia meletakkan tanggungjawab dan kepercayaan kepada rakyat untuk saling melindungi diri daripada wabak berkenaan.


"Walaupun kita divaksin, masih ada lagi golongan amat berisiko mendapat kesan jangkitan yang parah seperti kanak-kanak, individu yang tidak sesuai dengan vaksin serta golongan antivaksin.

"Secara teknikalnya adalah mustahil untuk mendapatkan sifar jangkitan, namun tujuan vaksin ialah mengurangkan penularan dan kesan jangkitan terhadap individu," katanya. - *Bernama*

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 31 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	1,746,254	PULIH	1,461,727	ICU	1,005	KEMATIAN	16,664	KES BAHARU	20,897	SUDAH DIVAKSIN	34,490,572
--------------------	-----------	-------	-----------	-----	-------	----------	--------	------------	--------	----------------	------------

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : DALAM NEGERI

Risiko bawah umur 17 tahun

Oleh MAISARAH

SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Wabak Covid-19 telah menjangkiti 298,364 kanak-kanak dan remaja sejak pandemik melanda negara Januari tahun lalu.

Dalam tempoh 20 bulan sehingga 25 Ogos lalu, 40 nyawa dalam kumpulan umur bayi hingga 17 tahun diragut virus itu.

Jumlah tersebut sekali gus menunjukkan peningkatan drastik kira-kira 95 peratus bagi kes positif yang dicatatkan untuk lapan bulan pertama tahun ini iaitu sebanyak 285,744 kes berbanding hanya 12,620 sepanjang tahun lalu, dengan angka tertinggi dicatatkan pada bulan ini iaitu 109,192 kes.

Mengikut statistik Kementerian Kesihatan (KKM) diperolehi *Utusan Malaysia*, daripada jumlah itu, majoriti pesakit

Covid-19

- Tahun ini 285,744 kes dengan 34 mati
- 2020: 12,620 kes dengan enam mati

dalam kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun adalah seramai 102,278 orang dengan lapan kematian direkodkan, diikuti pesakit dalam kalangan umur 13 hingga 17 tahun iaitu 86,131 orang melibatkan 16 kematian.

Turut menyedihkan, wabak berkenaan mengorbankan 16 bayi dan kanak-kanak dalam kumpulan umur bawah empat

tahun dengan sejumlah 77,881 pesakit dijangkiti wabak berkenaan, manakala sebilangan 31,574 kes pula dalam peringkat umur lima hingga enam tahun namun tiada kematian direkodkan.

"Sebanyak 148 kes kritikal yang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dalam golongan itu, dengan hanya sembilan kes direkodkan tahun lalu.

"Daripada jumlah pesakit dalam golongan tersebut yang dijangkiti, 64 peratus adalah tidak bergejala, manakala 36 peratus ada gejala. Bagi tempoh bulan Julai tahun ini sahaja, mereka yang berada dalam Kategori 1 - 58.17 peratus; Kategori 2 (41.49 peratus), Kategori 3 (0.27 peratus); Kategori 4 (0.05 peratus) dan Kategori 5 (0.03 peratus)," kata KKM di sini semalam.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

SURGING COVID-19 CASES

'MEDICAL STAFF TO BE SENT BACK FOR CRITICAL STATES'

Kedah, Penang, Perak, Johor, Sabah and Sarawak seeing spike in infections

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MEDICAL personnel from other states deployed to the Greater Klang Valley to help with the Covid-19 surge in July, will be sent back as the situation in the region had stabilised and hospitals were no longer overflowing.

However, they are now needed in states seeing sharp increases in Covid-19 infections, like Kedah, Penang, Perak, Johor, Sabah and Sarawak.

Deputy Health director-general Datuk Dr Chong Chee Kheong said the redeployment of personnel would be done in stages.

"Yes, the first thing is to allow the return of the mobilised staff back to their states that are seeing a surge of Covid-19 cases.

"It is ongoing and will be done in stages," he said when asked to confirm the matter.

On July 13, then health minister Datuk Seri Dr Adham Baba said the Health Ministry would mo-

bilise 417 healthcare workers from other states to three states that were facing a surge in Covid-19 cases, which are Selangor, Kuala Lumpur, and Negri Sembilan.

He also said an additional 1,190 healthcare workers and 5,000 volunteers would be deployed to support the delivery of health services in the three states.

The number of daily cases in the Klang Valley recently showed signs of plateauing.

In Selangor, the number of new infections had started to drop since Aug 7, averaging between 5,000 and 7,500 cases a day, as opposed to a peak more than 8,000 cases.

The encouraging outcome was attributed to several measures, including the acceleration of Covid-19 vaccinations, coupled with stricter enforcement of the standard operating procedures in the Klang Valley.

On Monday, Selangor and Kuala Lumpur reported 3,567 and 672 new cases respectively.

However, Covid-19 cases had been rising in other states over the past few days, mirroring the critical situation seen in the Klang Valley.

Sabah, on Monday, recorded 2,310 new cases, followed by Johor with 2,265 cases, Sarawak with 2,028 cases, Kedah with 2,084 cases, Penang with 1,780 cases and Perak with 1,144 cases.



Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari presenting the Covid-19 vaccine doses to Penang Chief Minister Chow Kon Yeow at the Seberang Prai Convention Centre vaccination centre in Seberang Jaya yesterday. PIC TAKEN FROM SELANGOR MB'S TWITTER

Selangor gives 20,000 doses to Penang

SEBERANG JAYA: Selangor yesterday donated 20,000 Covid-19 vaccine doses to Penang.

The vaccine doses were presented by Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari to Chief Minister Chow Kon Yeow at the Seberang Prai Convention Centre vaccination centre.

Amirudin said the 20,000 doses were a gift and was meant to help speed up the vaccination drive in Penang.

"In conjunction with the National Day, and as a sign of solidarity, we are gifting Penang 20,000 doses of the Covid-19 vaccine for free," he said.

"We hope we can free ourselves from Covid-19 and vaccination is the only way out to bring down the number of Covid-19 cases.

"Just like in Selangor's case, we can now see a drop in cases."

Amirudin also said the contribution to the state would depend on the needs and the vaccine supply.

He added that options remained open, whether it would be a one-off contribution or there would be more help in the future, depending on the vaccine supply.

"This contribution is an effort between both state governments to increase the capacity to meet the vaccine shortage.

"I have been told by the chief minister that the Health Ministry had contacted him and assured him that the vaccine supply would be stabilised."

Chow thanked the Selangor government for the vaccine doses.

"We hope this will speed up our target of achieving herd immunity," he added.

Up to Monday, some 1.14 million people of Penang, or 64.4 per cent of the overall population, had received at least one dose of the Covid-19 vaccine, while 55.8 per cent of the adult population had been fully vaccinated.

Prior to this, the Penang government had announced that Selangor had agreed to loan 200,000 Covid-19 vaccine doses to the state to ramp up the state's vaccination drive, especially for those who have yet to receive the first dose.

About 225,226 people have yet to receive the first dose, with most of them residing in the Seberang Prai Tengah district.

Earlier, Chow said the state government would not tighten the privileges or relaxations for individuals who had completed both doses of their vaccination despite a surge in Covid-19 cases in the state.

He said it was not necessary as the people were more careful now.

He said while dining at restaurants was allowed in the state, many eateries had refrained from allowing dining for customers, opting for takeaways instead.

He added that even for eateries that allowed dining, there were not many customers who took that option.

"The people are conscious of the surge in Covid-19 cases and are very careful."

"They are taking responsibility and that is what we want."

On Aug 8, the government announced privileges or relaxations for individuals who had completed both doses of their Covid-19 vaccination.

Besides dining at restaurants, other privileges for fully vaccinated individuals were same-state holidays, inter-district travel and certain sports activities, applicable to those in states that were in Phase 2 and above under the National Recovery Plan.

Yesterday, Penang recorded 1,780 Covid-19 cases, bringing the cumulative cases in the state to 84,759.

The highest number of cases the state ever witnessed was on Saturday, where Penang registered a record 2,078 cases.

“We hope we can free ourselves from Covid-19 and vaccination is the only way out to bring down the number of Covid-19 cases.”

DATUK SERI AMIRUDIN SHARI
Selangor Menteri Besar

JKJAV: 63.6pc of adult population fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 14,886,006 people, or 63.6 per cent of the adult population in the country, have completed both doses of the Covid-19 vaccination up to Monday, according to the Special Committee on Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee (JKJAV).

An infographic shared on the committee's Twitter page showed that 19,621,799 people (83.8 per cent) have received at least one dose.

A total of 34,490,572 doses had been administered under the Covid-19 National Immunisation Programme up to yesterday.

JKJAV said 60.1 per cent of the country's population had received the first dose and 45.6 per cent had received two.

On daily vaccination, a total of 361,381 doses were administered on Monday, with 181,281 doses being the first dose and the remaining 180,100 doses for the second dose. **Bernama**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

PANDEMIC WATCH

20,897 NEW CASES REPORTED

Selangor tops list of daily infections with 4,371 cases, says Health D-G

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
m.basyir@nst.com.my

THE Covid-19 cases in the country crossed the 20,000 mark again with 20,897 new infections reported in the last 24 hours.

The country had recorded more than 20,000 cases daily from Aug 24 to 29, with the highest figure of 24,599 cases logged on Aug 26.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor continued to register the highest number of cases in a day, with 4,371 cases, followed by Sabah (2,594), Sarawak (2,285) and Johor (2,159).

The cumulative number of cases now stood at 1,746,254.

Other states recording four-digit cases are Kedah (1,942), Penang (1,732), Kelantan (1,479), Perak (1,204) and Kuala Lumpur (1,003). Pahang logged 798 cases followed by Terengganu with 608, Melaka with 417 and Negri Sembilan with 215.

"Putrajaya and Perlis reported 25 and 64 cases, respectively, while Labuan had one case," Dr Noor Hisham said on Twitter yesterday.

He said 282 deaths were reported yesterday. He also said there were 18,465 recoveries.

Up to noon yesterday, there were 1,005 patients warded in the intensive Care Unit, with 464 requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham said 22 new clusters were reported yesterday.

Meanwhile, a two-week Enhanced Movement Control Order (EMCO) at four more localities in Sabah and Pahang were imposed yesterday.

National Security Council director-general Datuk Rodzi Md Saad said Kampung Narawang and Kampung Mininsalu Baru (Pasir Putih) in Ranau, Sabah, would be under the EMCO.

"Two more areas are at Kam-

pung Badong Dalam and Kampung Permatang Durian in Mukim Bebar, Pekan, Pahang."

Rodzi said the standard operating procedures at these four new localities would be the same as those implemented in other EMCO areas.

He said the EMCO at Taman Ria Heights in Tawau would be extended for another two weeks, following advice from the Health Ministry.

"The EMCO at Taman Ria Heights was scheduled to end on Sept 1, but it has been extended until Sept 15 as part of the infection control measures."

Rodzi said the EMCO at 10 localities in Pahang and Sabah would end today.

They were Felda Jenderak

Utara in Kuala Krau, Temerloh, and Ladang Selbourne in Mukim Gua, Lipis.

The eight areas in Sabah are Kampung Payas-Payas, Kampung Kulambai, Kampung Kulambai Kupang and Kampung Kulambai Dundau in Kota Belud, Beverly Hills Fasa 3 and Regency Park in Penampang, Kampung Iburu and Kampung Meligan in Sipitang, Complex Baiduri Ayu at Felda Sahabat 9 in Lahad Datu and Ladang Moynod 1 workers' quarters in Beluran.

Rodzi said the EMCO at Kampung Kulambai, Kampung Kulambai Kupang and Kampung Kulambai Dundau in Kota Belud was scheduled to end on Sept 4, but was brought forward due to a drop in the number of cases.

DANGERS OF DELTA

Expert: Those fully vaccinated should not be complacent

KUALA LUMPUR: Malaysians, especially those who have been fully vaccinated, should not be complacent and neglect standard operating procedures (SOP) and self-discipline in order to curb the spread of Covid-19.

This is crucial as the disease is not only spreading but has spawned several more dangerous mutations, especially the Delta variant, which has been classified by the World Health Organisation (WHO) as a Variant of Concern (VOC).

Malaysian Public Health Physicians Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said Malaysians should understand and accept that even though there were vaccines to protect them from the virus, the Delta variant was still a healthcare threat not only in the country but also globally.

"Everyone should understand that although 80 per cent of the adult population will be vaccinated and we will achieve herd immunity, Covid-19 will still be around even at a low level, like other diseases.

"Those who have been fully vaccinated can still be infected by the virus, but its effects will be less severe compared with those who are not vaccinated. Therefore, SOP compliance and self-discipline must be adopted for everyone's protection."

He said the best way to protect oneself was not only to be vaccinated but also to comply with



People waiting to get their Covid-19 vaccine shots at Stadium Bandaraya Pulau Pinang in George Town yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

the SOP and have self-discipline, including wearing a face mask and avoiding crowded places to reduce the possibility of infection.

In July, WHO said that the Delta variant, which has a high infection rate, had been detected in at least 111 countries, regions or areas, and had the possibility to become the dominant Covid-19

strain globally, thus causing a rise in cases and new deaths.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah had announced that up to Aug 17, 690 cases involving VOCs were detected in Malaysia, with 467 of them being the Delta variant. He said the latest studies showed that the variant could breed in the nose of a fully vaccinated in-

dividual, just like it would in an unvaccinated individual.

Dr Zainal Ariffin said the government's move to provide more exemptions and reopen various sectors showed that it trusted Malaysians to do the right thing and protect each other from Covid-19.

"Although we've been vaccinated, there are still others who are

at risk of suffering severely if they are infected, like children, individuals who can't be vaccinated, or even the anti-vaccination group.

"Technically, it is impossible to reach zero infection, but the goal of vaccination is to reduce the spread of the disease and effects of infection on individuals."

Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

New cases pass 20,000 again

Putrajaya, KL and Selangor record a dip

PETALING JAYA: The Covid-19 daily new cases has passed the 20,000 mark again with a total of 20,475 recorded cases.

However, Klang Valley–Putrajaya, Kuala Lumpur and Selangor – continues to see a downward trend in the number of infections.

Yesterday, Selangor reported 4,371 cases, followed by Sabah (2,594), Sarawak (2,285), Johor (2,159), Kedah (1,942) and Penang (1,732). Three states recorded below 100 cases – Perlis (64), Putrajaya (25) and Labuan (one).

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 20,475 cases (98.0%) out of the total of 20,897 cases reported were in Categories One and Two for mild and asymptomatic cases.

Only 422 cases (2.0%) were in Categories Three, Four and Five.

“Overall, 15,371 or 73.6% of the total cases reported were those who had not received their vaccination or had yet to be fully inoculated.”

He said 1,005 patients were in the intensive care unit, with 464 requiring respiratory support.

“Another 282 deaths were recorded with 98 of these being brought-in-dead. Selangor topped the highest death toll with 139 cases, followed by Johor (52), Kuala Lumpur (21) and Sabah (15),” he said.

Twenty-two new clusters were also recorded, out of which 11 were linked to the workplace.

“The Health Ministry data showed that the infectivity rate for the country remained at 1.02, with Perlis recording the highest at 1.22, followed by Sarawak (1.19) and Sabah (1.12).

“All of the states recorded an

infectivity rate of over 1.0, except for Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan and Negri Sembilan,” said Dr Noor Hisham.

In conjunction with National Day, Dr Noor Hisham also called on Malaysians to unite as a team in protecting the country from the virus by getting vaccinated and adhering to standard operating procedures (SOP).

“The ministry would like to thank the frontliners and back-end officers who have worked tirelessly against the nation’s enemy, which is Covid-19.

“Not to be forgotten, I would like to express my gratitude towards all Malaysians who continue to follow the SOP in place.

“May Malaysia be ‘merdeka’ from the threat of the virus and our lives return to normal.”

New cases by category for Aug 31

TOTAL CASES 20,897

Category 1	8,339 cases
Asymptomatic (no symptoms)	39.9%
Category 2	12,136 cases
Mild symptoms	58.1%
Category 3	224 cases
Pneumonia (inflammation of the lungs)	1.0%
Category 4	119 cases
Pneumonia and require oxygen	0.6%
Category 5	79 cases
Pneumonia and need ventilator support	0.4%

Source: Health Ministry

TheStar graphics